

Islamic Bedtime Story 1- ORANG YANG MEMBINA KAABAH



Islamic Bedtime Story 1- ORANG YANG MEMBINA KAABAH Sumbangan : [Abu Zafeerah](#)

Nabi Ibrahim a.s meninggalkan isteri baginda, Siti Hajar dan anak mereka Ismail a.s di sebuah lembah yang sunyi di negara Arab. Kewujudan mata air zam-zam di situ telah menarik ramai orang datang dan menetap di lembah itu. Lama-kelamaan, lembah itu bertukar menjadi pekan kecil yang kemudian dikenali sebagai Mekah..

Ismail a.s telah membesar menjadi seorang pemuda yang gagah dan penyayang..

Allah telah memerintahkan Nabi Ibrahim a.s. dan Ismail a.s. supaya membina Rumah Allah – KAABAH di Mekah..

Mereka pun mula mengambil batu-batu dari bukit-bukau yang berhampiran..

Nabi Ibrahim a.s. berdoa, “Ya Allah, sejahterakanlah tanah ini dan bekalkanlah penduduk-penduduk di sini dengan buah-buahan. Sebagaimana mereka telah beriman kepada-Mu dan hari akhirat.”

Semasa Nabi Ibrahim a.s. dan Ismail a.s. meletakkan batu yang pertama sebagai asas pembinaan Kaabah, mereka berdoa, “Ya Allah.. terimalah pemberian hamba-Mu ini!.. Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

Kemudian mereka berdoa lagi, “Ya Allah.. jadikanlah kami hamba yang taat kepada-Mu.. satukanlah keturunan kami dalam mentaati-Mu dan tunjuki kami jalan yang benar.”

Mereka juga berdoa agar Allah mengutuskan seorang rasul daripada kalangan keluarga mereka yang dapat membimbing manusia ke jalan Allah.. Doa mereka telah dimakbulkan Allah apabila lahir seorang rasul.. iaitu Nabi Muhammad s.a.w. untuk manusia selepas mereka..

Allah juga memerintahkan Nabi Ibrahim a.s. agar membersihkan Kaabah daripada segala kekotoran akibat orang ramai yang datang bersembahyang.. Orang ramai juga diseru supaya mengerjakan haji..

Allah berfirman kepada Nabi Ibrahim:

“Ajaklah semua manusia untuk mengerjakan haji.. nescaya mereka akan datang kepada-Mu berjalan kaki dan menunggang unta; mereka datang dari seluruh pelosok dunia.”

Allah mewajibkan kepada seluruh umat Islam.. lelaki dan perempuan.. untuk menunaikan haji sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan..

NILAI MORAL DARIPADA CERITA INI adalah seluruh umat Islam perlulah mencontohi pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s dan keluarga baginda.. melakukan semua suruhan Allah.. hidup berasaskan kebenaran dan jika perlu, rela berkorban nyawa untuk kebaikan Islam..

PETIKAN daripada buku cerita Zafeerah – Kisah-kisah dalam al-Quran : Orang Yang Membina Kaabah.

>>> ULASAN abah Zafeerah (komentar dalam lenggok bahasa kanak-kanak)

Rasanya walaupun buku ini untuk kanak-kanak.. saya pasti masih ada orang dewasa yang baru pertama kali membaca kisah di sebalik pembinaan Kaabah.. perintahnya.. suruhannya.. pelaksanaannya.. ini baru sejarah.. kalau hendak sembang tentang fardhu haji sendiri.. lagi dalam topik ni akan hanyut

Kembali kepada keluarga Ibrahim.. saban tahun kita menyambut hari raya aidil-adha.. menunaikan puasa sunat Arafah.. nikmat yang kita tunggu cuma penghayatan menghirup sup tulang dan menjamah menu daging korban!.. Rasanyalah..

Bagaimana pula penghayatan untuk menyingkap falsafah haji dan muhasabah diri untuk kembali melihat ketekunan dan taatnya keluarga Ibrahim? begitu jauh disimpan dan ditutup kisahnya dari mulut kita.. sedangkan setiap hari dalam waktu solat.. selawat dan salam kita pada keluarga Ibrahim sokmo kita lafazkan..

Bagaimana ikrar kita dalam IFTITAH untuk menjadi AWWALUL MUSLIMIN seiring dengan perintah ALLah kepada Ibrahim dan saranan baginda untuk kita menjadi hamba yang taat?.. Sedangkan baginda sendiri mendokan kita dan ingatannya jauh mendahului kita kepadanya..

Semak kembali TAHIYYAT kita dalam solat.. bagaimana kita mengingati pengorbanan baginda.. Adakah kita melafaz sekali nafas langsung tidak terlintas kenapa keluarga Ibrahim begitu

penting disebut dalam solat kita.. Kerana mereka menjadi kiblat kita disatukan..

Bagaimana ummat kita dikurniakan air zam-zam yang menjadi kesaktian mukjizat baginda Ismail.. kekal hingga ke saat kita minum setiap kali musim haji bertandang.. dan ketika umrah yang bertong-tong orang kita bawa balik ke sini..

Janganlah kita melepaskan falsafah di sebalik ilmu yang sangat penting untuk kita hadamkan.. Carilah ILMU dan pengiktirafan Allah kepada baginda sekeluarga.. Semak kembali doa dan ikrar solat kita.. Kenapa kita perlu kiblatkan institusi keluarga kita kepada keluarga Ibrahim..

Bukan sengaja saya memberi persoalan.. Ultimatumnya supaya kita berusaha mencari jawapan.. Allah menilai usaha kita.. sejauh mana kita bersungguh dalam mencari ILMU untuk beramal untuk-Nya.. Kalau sekali baca tanpa terjantik minda tu.. maknanya kita hanya menganggap semua ini biasa.. AH "Aku dah tau" selalunya kerap berkumandang dalam hati kita.. AH "cerita budak-budak".. Ceteknya ilmu kita kerana menganggap semua ini bahan bacaan kanak-kanak.. Sedangkan inilah ilmu pertama untuk anak-anak mengenal erti ketaqwaan..

Janganlah kita selalu mendabik dada kerana kita dewasa.. Sedang hakikat ilmu dan taqwa tak pernah kenal angka usia.. Umur itu hanya angka di sisi Allah.. Muhammad al-Fateh memimpin angkatan tentera di usia 18 Tahun.. Jauh sekali dengan anak-anak muda yang dah terjebak dengan angkatan maksiat zina dan samseng.. membuli dan menindas! – langsung jauh dari budaya dan saranan taqwa!

Allah lebih memandang kepada remaja dan orang muda yang berusaha beramal mencari dan mendekati Allah dan amalan mereka lebih disukai Allah dari orang tua yang hampir uzur baru berjinak mahu mengenal Allah.. Darjat orang muda itu sangat tinggi nilainya.. jauh lebih berharga untuk kita pelajari hikmah menjadi 'Ghulam' dalam mencari ILMU dan amal..

Moga titipan bedtime story untuk anakanda Zafeerah mampu menanam dan memperkenalkan sirah keluarga Ibrahim.. Memahami anak siapa disebalik Awwalul Muslimin dan kenapa kita perlu merujuk institusi keluarga kami kepada mereka..

Sempena dengan bulan HAJI ini.. bulan berhujjah.. bulan untuk mencari maklumat.. yang sedang menunaikan haji terikat dengan perintah taat dan patuh.. mereka sendiri sedang berusaha memperbaiki diri dan mengkoreksi maklumat untuk dimanfaatkan selepas kembali ke kehidupan harian..

Kita yang di sini.. mencari erti HAJI untuk diri sendiri.. mempersiapkan ilmu dan maklumat haji.. hujjah kita sebagai awwalul muslimin.. maka berebutlah mendapatkan hujjah sebagai kefahaman dan panduan..

Gagasan ILMU itu sangatlah luas..dari Quran juga Allah ceritakan.. maka beruntunglah menjadi ulil albab – kerana mereka melihat apa yang berlaku disekeliling mereka sebagai kurniaan ILMU untuk difikirkan dan dikaji dengan apa yang al-quran katakan..

Jom kita mencari ILMU.. seterusnya mengenali bapa kita Ibrahim a.s lalu mencontohi amalan keluarga ini supaya menjadi intipati keluarga kita menuju agenda BAITI JANNATI!..

P/S;

Selamat berpuasa hari Arafah dan selamat menyambut hari raya Aidiladha dari kami sekeluarga Shauqi, Khadijah Abu Bakar, Nur Aleesya Zafeerah dan Muhammad Zhareef Azfar kepada seluruh warga FB terutamanya ahli keluarga, sahabat dan rakan taulan.. Khasnya kepada penasihat ayahanda [DrMas Mohd Dua](#) , dan [Warga Prihatin](#) yang banyak mencetuskan gagasan ILMU kritis dan analitis..

Selamat bersahur!

ABU ZAFEERAH

Posting asal ada di pautan berikut:

<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=392628317532947&set=a.257355931060187.60244.100003573473783&type=1&theater>